

28 JUL 1997

MENTERI-MENTERI LUAR KUNJUNGI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dikunjungi Menteri-menteri Luar negara-negara rakan dialog Asean di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Antara yang hadir dalam pertemuan selama kira-kira 35 minit itu ialah Setiausaha Negara Amerika Syarikat Madeleine Albright, Menteri Luar China Qian Qichen dan Menteri Luar Australia Alexander Downer.

Menteri-menteri Luar dan wakil dari India, Jepun, Russia, Kanada, Kesatuan Eropah, Korea Selatan dan New Zealand juga hadir.

Mereka diketuai oleh Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menteri-menteri Luar berkenaan dan rakan sejawatan mereka dari sembilan negara anggota Asean akan menghadiri Mesyuarat Selepas Persidangan Peringkat Menteri (PMC) yang bermula di sini hari ini.

Semalam mereka menghadiri Mesyuarat Peringkat Menteri Forum Serantau Asean (ARF). -- BERNAMA

ES RM oba